

## **KAJIAN TINJAUAN : APLIKASI PETA PEMIKIRAN i-Think DALAM PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN LITERASI NOMBOR**

**Aminah bt Hj Samsudin, Haslina binti Hj Jaafar, Khalidah bt Othman, Saodah bt Ismail**

**Jabatan Matematik dan Sains**

### **SINOPSIS**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau pandangan pelajar tentang aplikasi peta pemikiran i-Think dalam pembelajaran dan pengajaran Literasi Nombor. Seramai 183 orang pelajar PISMP Semester 2 Ambilan Jun 2013 telah terlibat dengan kajian ini. Sampel terdiri daripada 138 orang pelajar perempuan dan 45 orang pelajar lelaki. Pelajar telah dikelaskan mengikut 4 bidang utama iaitu 58 orang Pendidikan Khas, 29 orang pelajar Pendidikan Seni Visual, 46 orang pelajar Pendidikan Muzik dan 50 orang pelajar pengkhususan Bahasa Inggeris. Aplikasi peta pemikiran i-Think telah memberi impak baru kepada cara mengajar dan belajar yang terkini bersumberkan lapan peta pemikiran. Aplikasi peta pemikiran ini menggalakan pelajar berfikir, bertukar pandangan dan berkongsi dapatan secara kumpulan kecil dan besar. Para pelajar berpeluang untuk mengakses pelbagai sumber sebagai rujukan seperti buku, artikel jurnal dan bahan internet. Secara tidak langsung, mereka juga memperoleh pengalaman dalam menyelesaikan tugas yang diberikan. Di samping itu, pembelajaran mereka lebih berfokus, terkini dan menyeronokkan. Kajian ini menggunakan satu set soal selidik menggunakan skala Likert. Instrumen ini mengandungi 3 aspek utama iaitu aspek pengetahuan, aspek kemahiran pedagogi serta aspek intrapersonal dan interpersonal. Semua data yang diperolehi dari borang soal selidik dianalisis secara diskriptif yang melibatkan peratusan dan kekerapan. Data diproses menggunakan Microsoft Excel. Dapatan kajian menunjukkan pelajar bersetuju peta pemikiran i-Think diaplikasi dalam pembelajaran dan pengajaran Literasi Nombor. Aplikasi peta pemikiran i-Think membolehkan pelajar lebih kreatif, berani dan bersedia menggunakan pengurusan grafik dalam Matematik. Secara umumnya, aplikasi peta pemikiran i-Think sangat relevan dengan keperluan terkini pelajar kerana peta pemikiran yang disediakan sangat membantu dan bertindak sebagai akses kepada mereka untuk berfikir.

Kata kunci: peta pemikiran i-Think, kemahiran pedagogi dan pengurusan grafik.

email: aminah\_s@ipik.edu.my